



HRD CORP SELESAI 'RESET' ORGANISASI, BERANJAK KE FASA PELAKSANAAN DAN PERKUKUH TADBIR URUS

KUALA LUMPUR, 17 April 2026 – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) telah melengkapkan proses penstrukturan semula organisasi secara menyeluruh, menandakan peralihan ke arah pelaksanaan dan penyampaian, selaras dengan agenda MADANI dalam membangunkan tenaga kerja Malaysia yang berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan.

Dilaksanakan sepanjang dua bulan yang lalu, penstrukturan ini merangkumi penyusunan semula yang menyeluruh, tadbir urus, pengurusan dan operasi, memperkukuh integriti institusi serta mewujudkan struktur operasi yang lebih jelas dan berakauntabiliti.

Ketua Eksekutif HRD Corp, Dato' Shamir Aziz berkata organisasi kini berada dalam jajaran yang jelas bagi menyokong hala tuju yang ditetapkan oleh Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan dalam memperkasakan pembangunan modal insan negara.

Beliau menyatakan bahawa kepimpinan Dato' Sri Ramanan telah memainkan peranan penting dalam membentuk momentum dan disiplin pelaksanaan 'reset' ini, sekali gus mencerminkan pendekatan yang tersusun dan berstruktur dalam menangani cabaran institusi yang kompleks.

Hala tuju ini mencerminkan penekanan berterusan Dato' Sri Ramanan terhadap pengukuhan tadbir urus, penambahbaikan penyampaian serta memastikan sistem latihan negara kekal berwibawa, relevan dengan industri dan berimpak tinggi di bawah kerangka MADANI.

"Reset telah selesai. Kita kini bergerak ke hadapan dengan disiplin, hala tuju yang jelas dan pelaksanaan," kata Dato' Shamir.

Di peringkat pengurusan, isu-isu legasi daripada dapatan audit dan penemuan kawal selia sebelum ini telah sebahagian besarnya diselesaikan, dengan penyerahan kini dibuat kepada pihak berkuasa.

Penstrukturan organisasi telah disempurnakan sepenuhnya, termasuk penempatan semula dan penyelarasan berdasarkan kompetensi dan fungsi pekerja. Bidang kritikal seperti Perundangan, Audit dan Penguatkuasaan telah diperhebat bagi memantapkan lagi tadbir urus dan pematuhan, manakala struktur operasi telah diperkemas untuk meningkatkan kecekapan pelaksanaan. Fungsi strategik turut semula bagi memastikan fokus dan akauntabiliti.

Sebagai sebahagian daripada reset ini, HRD Corp telah memperketat kawalan terhadap tuntutan latihan dan penggunaan levi bagi memulihkan pemantauan dan akauntabiliti. Sebelum ini, tuntutan boleh dikemukakan selepas latihan dilaksanakan, termasuk pada hari yang sama, sekali gus mengehendak pemantauan yang berkesan.

Di bawah prosedur operasi standard yang baharu, latihan hanya boleh dilaksanakan selepas kelulusan awal diperoleh, dengan tempoh masa dan jangka pelaksanaan yang ditetapkan. Ini membolehkan HRD Corp menggerakkan pasukan penguatkuasaan di lapangan bagi memastikan keterlihatan yang penuh serta melakukan pengesahan aktiviti latihan.

HRD Corp juga telah mengisi kekosongan kepimpinan utama dengan pelantikan Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi, jawatan yang sebelum ini kosong, di samping mengetengahkan bakat dalaman ke jawatan kanan dan pengurusan bagi memperhebat kesinambungan dan prestasi organisasi.

Dalam masa yang sama, HRD Corp telah melengkapkan perancangan bajet yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ini termasuk peruntukan strategik yang signifikan bagi mempercepat keutamaan pembangunan tenaga kerja negara, dengan perincian lanjut akan diumumkan dalam masa terdekat.

Dato' Shamir menegaskan bahawa HRD Corp tidak lagi akan ditakrifkan sebagai cabaran masa lalu, sebaliknya oleh keupayaannya menunjukkan hasil di bawah tekanan.

“Kini, keutamaan kita adalah pelaksanaan untuk memberikan hasil, memulihkan keyakinan serta memastikan pekerja dan perniagaan Malaysia bersedia untuk menghadapi dan bertindak balas terhadap ketidaktentuan global yang semakin meningkat,” tambah beliau.

Dengan tadbir urus yang diperhebat, kepimpinan yang semakin diperkukuh serta hala tuju yang jelas selaras dengan keutamaan negara, HRD Corp kini berada dalam kedudukan untuk bertindak secara tegas, meningkatkan daya tahan tenaga kerja serta menyokong kesinambungan industri dalam persekitaran global yang semakin tidak menentu.

-TAMAT-

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) merupakan agensi peneraju kerajaan Malaysia bagi pembangunan modal insan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Diurus selia oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp bertanggungjawab terhadap kutipan serta pentadbiran levi pembangunan sumber manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Tanggungjawab ini merangkumi usaha menggalakkan latihan, latihan semula serta peningkatan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih, untuk menyelaraskan keupayaan mereka dengan keperluan majikan serta aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini memastikan tenaga kerja Malaysia kekal berdaya saing di samping mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi semasa dan masa depan.

HRD Corp juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pasaran latihan di Malaysia, memacu inovasi, kualiti dan akses inklusif kepada pembangunan kemahiran di seluruh negara.

“MADANI Bekerja”

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.